



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Sara Beden. (2025). Pemikiran keagamaan dalam puisi “Khutbah II” dan “Iktikaf 2”. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 245-275. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.10>

**PEMIKIRAN KEAGAMAAN DALAM PUISI
“KHUTBAH II” DAN “IKTIKAF 2”**

(Religious Thoughts in “Khutbah II” And “Iktikaf 2” Poems)

Sara Beden

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak

sara.beden@ipgm.edu.my

Received: 21/5/2024 Revised: 27/9/2024 Accepted: 7/5/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Sajak berfungsi sebagai saluran dan wahana dalam menyampaikan mesej dan amanat kepada masyarakat sarwajagat. Walau bagaimanapun, amanat dan mesejnya wajar mengalami anjakan paradigma atas faktor keperluan milieu yang sudah mengalami evolusi atas desakan dan tekanan kehidupan pada abad ke-21 yang semakin mencabar. Kehidupan pada era ini menuntut manusia untuk bersaing mengejar urusan duniawi untuk kepentingan material demi kesejahteraan hidup sehingga lupa nilai-nilai mulia yang mengakibatkan mereka terjebak ke kancang yang dimurkai Allah. Oleh itu, sewajarnya penciptaan genre sastra memberikan penekanan terhadap aspek keagamaan agar manusia memberikan perhatian terhadap nilai murni ke arah pembentukan akhlak yang mulia. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis pemikiran keagamaan dalam sajak “Khutbah II” karya Mustafa Jusoh (2001) dan “Iktikaf 2”

karya Naapiee Mat (2001). Kaedah kualitatif diaplikasi sepenuhnya dalam kajian ini dengan memberi fokus terhadap analisis teks. Kerangka teori yang diaplikasi ialah teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989) yang membincangkan dua aspek utama, iaitu alamiah dan keagamaan. Walau bagaimanapun, kajian ini dibataskan dengan menggunakan pengkaedahan keagamaan sahaja. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa kedua-dua sajak sarat dengan pemikiran keagamaan yang signifikan menerusi penganalisan terhadap rangkap dan baris-baris sajak tersebut. Pemikiran keagamaan ini diperlihatkan menerusi unsur-unsur dakwah yang memandu umat Islam ke jalan yang diredai Allah, pengajaran dan nilai moral positif sebagai panduan masyarakat sarwajagat dan nilai estetika yang digunakan oleh penyajak bagi menyampaikan pemikirannya. Kesimpulannya, kedua-dua sajak bukan sahaja berupaya memprojeksikan pemikiran keagamaan malahan menyirati mesej yang menjadi gagasan pengarang dalam penciptaannya untuk tujuan mentarbiyah umat manusia khususnya dalam era revolusi industri 4.0.

Kata Kunci: Pemikiran keagamaan, Teori Pengkaedahan Melayu, sajak, dakwah.

ABSTRACT

Poetry serves as a channel and medium for conveying messages and teachings to the global community. However, these teachings and messages should undergo a paradigm shift due to the evolving needs of a milieu pressured by the challenges of 21st-century life. Life in this era demands that individuals compete for worldly affairs in pursuit of material interests for comfort, often leading them to forget noble values, which results in their entrapment in a state that incurs God's wrath. Therefore, the creation of literary genres should emphasize religious aspects so that individuals pay attention to pure values, fostering the development of noble character. This study aims to identify and analyze religious thought in the poems "Khutbah II" by Mustafa Jusoh (2001) and "Iktikaf 2" by Naapiee Mat (2001). A qualitative methodology is fully applied in this study, focusing on text analysis. The theoretical framework used is the Malay Methodology theory proposed by Hashim Awang (1989), which discusses two main aspects: natural and religious. However, this study is limited

to utilizing only the religious methodology. The findings indicate that both poems are rich in significant religious thought, as revealed through the analysis of their stanzas and lines. This religious thought is expressed through elements of dakwah (Islamic preaching) that guide Muslims toward the path favored by Allah, as well as positive moral teachings and values that serve as guidance for the global community, along with aesthetic values employed by the poets to convey their thoughts. In conclusion, both poems not only project religious thought but also encapsulate messages that reflect the authors' intentions in their creations aimed at nurturing humanity, especially in the era of the Fourth Industrial Revolution.

Keywords: Religious thought, Malay Approach Theory, Poem, Islamic preaching.

PENGENALAN

Puisi moden atau sajak merupakan luahan kawah kreativiti yang terkandung variasi emosi, imaginasi, kesan jiwa, getar sukma dan naluri seseorang penyair atau penyajak. Menurut T.S. Eliot (1988) penyair atau penyajak adalah arkitek yang membina keindahan pengalaman dengan kecantikan bahasa secara bijaksana. Sementara Za'ba (1962) mendefinisikan puisi sebagai karangan berangkap yang mengandungi fikiran yang cantik. Menurut beliau, puisi ialah karangan berangkap untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah dan melukiskan kemanisan dan kecantikan bahasa. Maka dengan gambaran yang cantik ini, perkara yang dikatakan itu bertambah menarik kepada hati orang yang mendengarnya. Muhammad Salleh (1988, p.10) pula melihat puisi “sebagai bentuk sastra yang kental dengan muzik bahasa serta kebijaksanaan penyair dan tradisinya. Dalam segala sifat kekentalannya, puisi setelah dibaca akan menjadikan kita lebih bijaksana. Bukanlah puisi namanya andainya ia tidak berupaya membijaksakan pembaca”. Jika disorot, berdasarkan pandangan tokoh Barat dan tempatan didapati ada dua kata kunci utama dalam pentakrifan dan penginterpretasian puisi, iaitu keindahan dan kebijaksanaan. Keindahan lahir daripada bahasa dan fikiran yang “cantik”, ‘elok” “manis” dan menarik sehingga menimbulkan penghayatan dan memukau jiwa insan seni yang membacanya. Keindahan memberikan kesan jiwa, rasa dan emosi kepada khalayak penghayatnya. Walau bagaimanapun, puisi bukan

sahaja memiliki keindahan dari segi bahasanya, sebaliknya terkandung keintelektualan dan kebijaksanaan yang dicitrakan menerusi pemikiran, tema, nilai, mesej, amanat dan pengajaran yang bermakna dan membijaksankan khalayak. Justeru, puisi sebagai genre sastra memainkan peranan dan fungsi penting dalam menyebarkan amanat dan mesej, terapi minda dan jiwa, meniup semangat, memberikan motivasi, mentarbiyah masyarakat dan menyemai nilai-nilai keinsanan dan kemanusiaan.

Berdasarkan sejarah kesusasteraan Melayu, kemunculan sajak yang bertajuk “Angan-angan dengan Gurindam” karya Omar Mustaffa yang diterbitkan dalam Utusan Melayu pada 18 Januari 1913 (*Bacalah dalam Bahasamu*, 2001) menjadi titik permulaan kemunculan puisi moden. Penerbitan sajak ini mempelopori penghasilan sajak atau puisi moden di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, perkembangan sajak pada zaman tersebut agak malap sehinggalah muncul penyair-penyair yang prolifik pada tahun 1930-1950-an. Antara penyair yang terkenal pada zaman 1930-an -1950-an ialah Pungguk, Kasmani Hj Ariff, Ros Melaka dan Ahmady Asmara. Muhammad Yassin Ma’amor atau nama penanya Pungguk telah menghasilkan sajak yang bertajuk “Keluh Kesah”, namun masih memperlihatkan pengaruh puisi tradisional dari segi rimanya. Puisi moden semakin berkembang dengan penubuhan Angkatan Sasterawan 50 atau ASAS 50 pada tahun 1950 di Singapura yang terkenal dengan slogan “Seni untuk Masyarakat”. Pengarang yang giat menghasilkan puisi pada masa ini ialah Usman Awang dan A. Samad Said. Penghasilan sajak-sajak pada tahun 1950-an lebih kepada fungsi untuk meniupkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat agar bersatu dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Selepas merdeka, sajak-sajak yang dihasilkan lebih kepada isu pembangunan dan pemodenan dalam masyarakat dari segi fizikal dan mental. Pada abad ke-20, sajak-sajak yang dihasilkan memberikan fokus kepada pembangunan rohaniyah, emosi, intelektual dan jasmani bagi melahirkan masyarakat madani. Perkara ini menunjukkan bahawa sajak memiliki fungsi yang signifikan dalam menyampaikan mesej secara halus dan berseni kepada masyarakat.

Fungsi sajak dalam menyampaikan mesej dan amanat kepada masyarakat berterusan sehinggalah kini. Walau bagaimanapun, amanat dan mesejnya sudah mengalami anjakan paradigma atas faktor keperluan milieu dan zaman yang sudah berubah. Kehidupan pada abad ke-21, menuntut manusia untuk berlumba-lumba mengejar urusan

duniawi bagi mengekalkan kesejahteraan hidup. Justeru, penghasilan sajak pada milieu ini sewajarnya memberikan fokus kepada kelompangan dan kekurangan dalam mengimbangi perkembangan intelektual, emosi, sahsiah, akhlak dan rohani yang berkeupayaan untuk membentuk keperibadian individu yang halus, indah dan sempurna atau *jamal* khususnya dalam kalangan generasi muda. Mohamed Nazreen et al. (2022), menegaskan fungsi puisi sebagai suatu dokumentari kerana merakam peristiwa-peristiwa penting yang membangkitkan semangat dan mampu mengubah sesuatu keadaan menjadi lebih baik. Mohd Haniff Mohammad Yusoff (2023), pula menyifatkan bahawa unsur budaya yang menjadi cerminan identiti bangsa dalam puisi dilihat sebagai elemen penting untuk diterapkan dalam teks sastera agar golongan remaja dapat memperelok sahsiah mereka melalui bahan bacaan. Dalam konteks ini, sudah tentu sajak-sajak yang mendapat tempat dalam kalangan khalayak sewajarnya menitikberatkan pemikiran dan tema yang bersifat keagamaan bagi kesejahteraan dan kebahagiaan umat manusia sejagat. Samsina Abd. Rahman (2013) menegaskan bahawa melalui genre puisi, penyair dapat berpesan dan menasihati semua khalayak pembaca kepada perkara yang *maa'ruf* yang perlu diamalkan dan perkara mungkar yang perlu dijauhi.

Perkara yang jelas, penyair dan puisinya sentiasa menuntut umat manusia khususnya khalayak pembaca agar terus mengekalkan fitrah suci kejadian mereka setelah berada di dunia ini demi kembali kepada Allah dalam keadaan yang diredai-Nya. Dalam Surah al-Baqarah, ayat 30, Allah SWT menjelaskan: “Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.” Khalifah yang dimaksudkan ialah nabi Muhammad SAW yang memiliki sifat *siddiq* (benar), amanah (jujur), *fatonah* (bijaksana), *tabligh* (menyampaikan) dan *al-Amin* (kejujuran). Pemilihan baginda sebagai rasul adalah untuk menyampaikan risalah dan rahmat kepada seluruh umat manusia serta alam semesta. Hakikatnya, manusia yang diciptakan oleh Allah di atas muka bumi ini juga bertindak sebagai khalifah yang bertanggungjawab untuk mentaati perintah Allah dan ketaatan itu pula merupakan suatu persembahan dalam acara kehidupan untuk melahirkan perasaan syukur kepada-Nya. Walau dalam apa-apa juga keadaan, ketaatan adalah perlu bagi memastikan kita tidak terpedaya dan tidak terpengaruh dengan fahaman-fahaman lain yang boleh mengelirukan kehidupan dan akidah.

Sehubungan itu, perbincangan dalam makalah ini memberikan fokus terhadap isu dan mesej keagamaan dalam genre sajak dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dijanakan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Ringkasnya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis mesej keagamaan dalam sajak “Khutbah II” dan “Iktikaf 2” dengan menggunakan pengkaedahan keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam kajian ini mengambil kira kajian puisi dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Antaranya kajian Noor Hazwany Haji Arifin (2014) yang bertajuk ‘Pemikiran Marzuki Ali Dalam Khazanah Segala Rimbun Dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu’. Kajian ini memberi fokus terhadap pemikiran Marzuki Ali yang berkaitan dengan penghargaan terhadap alam flora dan fauna. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pemikiran tentang alam iaitu keakraban dengan alam, pengalaman pendidikan dan pemikiran tentang agama iaitu dakwah, alat pendedahan dan estetika amat signifikan. Mesej-mesej yang baik dan positif adalah menepati ciri-ciri yang digarisi dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Impaknya, kajian ini mendidik masyarakat agar tidak memusnahkan alam agar generasi muda dapat mengenali tumbuhan dan haiwan.

Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai’e Sujud (2017) pula telah mengkaji ‘Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu’. Kajian ini mendapati bahawa ketulenan jati diri kemelayuan yang ditunjukkan oleh A. Aziz Deraman melalui puisinya berperanan sebagai iktibar, peringatan dan nasihat yang membawa manfaat dan menemukan kemuafakatan kepada masyarakat. Puisi-puisi A. Aziz Deraman memberi penekanan kepada ajaran dan etika Islam yang menjadi jalinan prinsip penting dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Perkara ini sekali gus mencirikan kepennyairannya yang mempunyai jati diri kemelayuan yang tinggi.

Sara Beden (2021) telah mengkaji *Kumpulan Cerpen Perempuan Kerudung Hitam* karya Suratman Markasan menggunakan tiga buah cerpen, iaitu “Perempuan Kerudung Hitam”, “Di Makkah Ada Politik” dan cerpen “Pemberian Yang Ditolak” dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa lima daripada

enam pendekatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Melayu, iaitu pendekatan; firasat, moral, dakwah, kemasyarakatan dan seni diaplikasi dan diperlihatkan dengan rinci dalam ketiga-tiga buah cerpen. Ketiga-tiga cerpen juga menzahirkan pemikiran keagamaan yang diperlihatkan menerusi tema, perwatakan watak dan peristiwa penting dalam menyampaikan mesej dakwah dan mesej keagamaan kepada khalayak. Mesej-mesej ini mempunyai kesesuaiannya dalam usaha mentarbiyah umat Islam agar mematuhi ajaran agama dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Sara Beden dan Nur Aisyah Shahira Naimon (2021) telah membuat penelitian terhadap novel *Gapura Iman* karya W. Kursiah Awang dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Dapatan analisis memperlihatkan pemikiran keagamaan yang signifikan menerusi perwatakan watak dan peristiwa penting dalam menyampaikan mesej keagamaan kepada pembaca. Kebanyakan mesej yang disampaikan adalah bertujuan untuk mengajak khalayak supaya mentaati perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Impaknya, Teori Pengkaedahan Melayu berupaya menzahirkan kekuatan pengarang dalam menghadirkan unsur-unsur keislaman dalam novel *Gapura Iman* berdasarkan naratif penciptaannya.

Nur Hanis Athirah Rosazlan (2023) telah membuat kajian yang bertajuk ‘Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian Terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu’. Kajian ini memilih teks *Kumpulan Puisi Menunggu Pesawat*, *Kumpulan Sajak Pujangga Tidak Bernama* dan *Mutiara Sastra Melayu Modern*. Kajian ini mendapati bahawa teks kumpulan sajak Zurinah Hassan sememangnya mempunyai nilai medium untuk mendidik masyarakat. Nilai medium mendidik masyarakat ditonjolkan menerusi nilai kasih sayang, patriotik, ketakwaan, keinsafan, kebijaksanaan dan bertanggungjawab. Impaknya, dapatan kajian ini mampu membuktikan kepentingan nilai-nilai dalam sajak untuk mendidik masyarakat.

Secara rangkumannya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu amat signifikan untuk mengkaji karya sastra kerana mampu memperlihatkan kekuatan pengarang dalam mengetengahkan unsur-unsur keislaman untuk mentarbiyah masyarakat. Unsur-unsur ini memberikan impak yang sangat mendalam kerana persoalan yang diketengahkan bermatlamat untuk

meningkatkan tahap keimanan, ketakwaan dan kecintaan insan kepada penciptanya, iaitu Allah. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi menambah khazanah dalam ujana kesusasteraan Melayu dengan memanfaatkan teori tempatan yang berupaya memugar persoalan-persoalan etika, moral, keimanan dan ketakwaan kepada Allah bagi kemaslahatan umat sarwajagat.

DATA KAJIAN

Kajian ini menggunakan sajak yang dimuatkan dalam buku teks moden *Kesusasteraan Melayu Kurikulum Baharu Sekolah Menengah* yang bertajuk *Bacalah dalam Bahasamu* (2001). Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2001. Terdapat 25 buah sajak yang dimuatkan dalam teks ini sebagai bahan kajian para murid tingkatan 4 dan 5 seluruh Malaysia yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menggunakan dua buah sajak sahaja sebagai kajian awal. Sajak yang dipilih ialah sajak “Khutbah II” dan “Iktikaf 2”. “Khutbah II” ditulis oleh Mustafa Jusoh manakala sajak yang bertajuk “Iktikaf 2” merupakan hasil kreativiti Naapie Mat. Kedua-dua sajak ini dipilih kerana sajak-sajak ini mencerminkan pemikiran Islam ke arah seruan keagamaan yang relevan dengan milieu dewasa ini. Tambahan pula, masyarakat kita semakin ketandusan nilai-nilai keagamaan akibat terlalu rakus mengejar kebendaan sehingga hilang ‘akal budi’ yang sewajarnya diseimbangi dengan kepentingan akhirat. Kepentingan akal budi ini dibincangkan oleh Rozita (2022) dalam kajiannya dengan menegaskan bahawa akal pemikiran amat bersimbiosis dengan hati hudi, iaitu mengambil kira hati kalbu untuk menjadi insan yang mulia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Strauss dan Corbin (1998) penyelidikan kualitatif merupakan suatu penyelidikan yang menghasilkan dapatan bukan menggunakan kemudahan prosedur statistik atau kemudahan kuantitatif yang lain. Oleh itu, kajian ini berbentuk intepretasi terhadap mesej keagamaan sebagaimana dalam kerangka Pengkaedahan Melayu. Kajian ini juga

mengaplikasi kaedah kepustakaan untuk mengumpul bahan-bahan rujukan dan literatur seperti buku, majalah, jurnal, akhbar, kertas-kertas kerja seminar dan latihan ilmiah. Seterusnya, pembacaan secara mendalam (*close reading technique*) terhadap novel ini turut dilakukan secara berperingkat. Tarigan (1994) menjelaskan bahawa pembacaan mendalam ialah teknik membaca yang digunakan untuk memperoleh pemahaman (sepenuhnya) atas suatu bahan bacaan. Teknik bacaan ini membolehkan pengkaji mendapatkan perincian yang mendalam dan mengenal pasti diksi dan bait-bait dalam kedua-dua buah sajak bagi menginterpretasi makna yang hendak disampaikan oleh pengarang. Peringkat akhir merupakan analisis, iaitu menganalisis mesej keagamaan dengan meneliti aspek pemikiran dan unsur-unsur yang menyokongnya berlandaskan pendekatan-pendekatan yang berpadanan dengan bait-bait sajak dalam Teori pengkaedahan Melayu.

KERANGKA TEORETIS

Penyelidikan ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu sebagai acuan analisis. Teori Pengkaedahan Melayu diasaskan oleh Hashim Awang (1989) dan dibentangkan oleh beliau dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1989. Kemunculan dan penjanaannya hasil daripada tuntutan untuk melahirkan teori sastra berwajah sastra Melayu dan beracuankan budaya, nilai, identiti, jati diri dan norma sastra di bumi Malaysia. Kemunculan teori-teori sastra tempatan seperti Puitika Sastra Melayu oleh Muhammad Salleh, Teori Taabudiyah dan Teksdealisme oleh Mana Sikana dan Takmilah oleh Shafiee Abu Bakar bertitik tolak daripada daripada polemik bahawa teori Barat kurang tepat untuk merungkai dan mengkritik sastra Melayu. Sahlan Mohd Saman (1999), menegaskan bahawa teori ini tercetus atas kesedaran terdapatnya beberapa kelemahan teori Barat apabila menganalisis karya Melayu. Menurut beliau, pengkajian dan pengkaedahan tertentu terhadap sastra Melayu sememangnya wujud tetapi memiliki kelemahan-kelemahan memandangkan penggunaannya yang tidak sepenuhnya asli, sesuai, mantap dan kukuh.

Menurut Hashim Awang (2002), terdapat dua pecahan dalam teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Kedua-dua pengkaedahan tersebut pula

terbahagi kepada beberapa cabang yang dikenali sebagai pendekatan. Pengkaedahan alamiah dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan firasat dan pendekatan moral. Pengkaedahan keagamaan juga terbahagi kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan kemasyarakatan, pendekatan dakwah dan juga pendekatan seni. Walau bagaimanapun, kajian ini dibataskan dengan menggunakan Pengkaedahan keagamaan. Pengkaedahan ini diaplikasi atas faktor kedua-dua sajak yang dipilih memperlihatkan ciri-ciri penggunaan diksi yang berunsurkan keagamaan selain bait-bait dalam kedua-dua sajak bersesuaian dengan ketiga-tiga pendekatan dalam pengkaedahan keagamaan. Sara Beden (2021) menegaskan bahawa mesej keagamaan memberikan teladan dan pengajaran dalam menuju bahtera keinsafan dan hidayah yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia untuk menjadi seorang Muslim yang berupaya memilih dan meletakkan dirinya sebagai insan bertakwa seiring dengan kehendak syariat, akidah dan ajaran Islam. Pengkaedahan keagamaan terbahagi kepada tiga pendekatan sebagaimana dalam Rajah 1 berikut.

Rajah 1

Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan Keagamaan		
Pendekatan dakwah (Menyeru dan mengajak ke arah kebaikan)	Pendekatan kemasyarakatan (Menyejahtera dan membahagiakan umat)	Pendekatan seni (Keindahan berlandaskan nilai estetika Islam)

Pengkaedahan keagamaan didefinisikan sebagai pendekatan yang berteraskan nilai keimanan dan ketakwaan manusia yang bersendikan akidah agama Islam (Jumali Selamat, 2009). Pengkaedahan keagamaan terbahagi kepada tiga kaedah, iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Pendekatan dakwah memberikan penekanan terhadap nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah. Ketakwaan ini ditelusuri berdasarkan keluhuran jiwa dan sikap manusia yang berjihad pada jalan Allah. Berdasarkan pendekatan dakwah, sastra harus juga mempersoalkan kemurnian dan kelebihan agama Islam yang dapat menimbulkan daya tarikan yang lebih mendalam terhadap kesucian agama Islam, baik daripada

kalangan insan muslim mahupun bukan muslim. Pendekatan tertumpu kepada aspek - aspek tema dan amanat yang mengarah kepada penyerlahan permasalahan tersebut. Hashim Awang (1993) bahawa pendekatan dakwah ternyata boleh diterapkan terhadap karya sastra Melayu sebagai suatu usaha menemukan pendekatan sendiri yang lebih tepat dan relevan. Pendekatan ini memberi kesan yang baik dalam pemakaiannya terhadap karya sastra Melayu yang kebanyakannya memiliki unsur pendakwahan, baik pendakwahan yang seutuhnya bersifat keislaman mahupun yang bersifat umum dalam pengertian ke arah membuat kebaikan dan kemajuan. Aspek watak dan perlakuan serta peribadinya juga menarik untuk diteliti kerana kaitannya dengan sifat-sifat mulia seorang insan muslim seperti yang terpancar di dalam karya.

Pendekatan kemasyarakatan membawakan perutusan atau (*mission*) besar bahawa sastra berfungsi untuk menyejahtera dan membahagiakan umat manusia. Pengalaman-pengalaman positif masyarakat disatukan menjadi idea yang berupaya memberikan kesejahteraan dan kebahagiaan kepada masyarakat. Pendekatan kemasyarakatan bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat serta pengukuhan iman dan ketakwaan yang boleh diungkap dan didapati dalam sastra Melayu. Secara tidak langsung meletakkan pendekatan ini sebagai 'sastra untuk masyarakat' dari perspektif Islam. Pendekatan kemasyarakatan lebih menekankan tanggapan tentang unsur kebaikan. Unsur amanat diletakkan pada tempat teratas di samping unsur-unsur lain seperti bentuk, teknik penceritaan dan gaya bahasa tanpa mengabaikan kehadiran keindahan. Sesebuah karya itu turut memaparkan kehidupan yang penuh dengan kemungkaran seperti ketidakadilan, kemunafikan, keresahan, kekejaman, korupsi, penipuan, penindasan, dan pembunuhan, iaitu segala permasalahan yang menjadi punca kepincangan masyarakat yang goyah imannya. Persoalan kemasyarakatan yang tergarap dalam sastra, bukan berfungsi sebagai bahan propaganda yang membohongi kenyataan seperti yang biasa berlaku dalam karya beraliran Barat, melainkan untuk menjadi teladan atau kias ibarat dalam usaha mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan kekuatan iman serta ketakwaan.

Pendekatan seni diperlihatkan menerusi keindahan yang sifat dan tuntutananya pula menjadi objek penelitian dalam sastra menerusi pelbagai unsur pembinaanya seperti bentuk luaran dan dalamnya,

gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak atau pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasa. Keindahan dalam pendekatan seni merujuk kepada keindahan yang melandaskan dirinya kepada nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah, ajaran dan fahaman agama Islam. Walau bagaimanapun, keindahan hendaklah ditelusuri bersama-sama dengan logiknya. Keindahan luaran diteliti daripada bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa, manakala keindahan dalaman merujuk kepada aspek falsafah pemikiran dan mesej yang dibawa dalam sesuatu karya. Aspek keindahan ini juga menjadi objek penelitian dalam sastra menerusi pelbagai unsur pembinaannya seperti bentuk harfiah dan dalamannya, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, atau pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasa. Tuntasnya, kedua-dua sajak dianalisis dengan menggunakan pengkaedahan keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni untuk memperlihatkan unsur-unsur keagamaan yang diberikan penekanan oleh pengarang.

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Kaedah kepustakaan digunakan bagi memperoleh sumber yang berkaitan dengan sajak dan literatur yang bersesuaian daripada buku, jurnal dan prosiding. Kajian teks dilakukan dengan menggunakan metode penyelidikan kualitatif (Mawar, 2016). Kajian berbentuk analisis deskriptif yang digunakan merujuk kepada beberapa proses iaitu pembacaan secara rangkap demi rangkap bagi mengesan kandungan sajak yang terdiri daripada pemikiran, tema, isu, nilai dan unsur gaya bahasa yang digunakan dalam kedua-dua sajak untuk diacu atau dipadankan dengan pengkaedahan keagamaan. Peringkat akhir, merupakan analisis secara deskriptif terhadap isi kandungan sajak dengan mengacukannya dengan tiga pendekatan, iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni dalam pengkaedahan keagamaan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis, didapati kedua-dua sajak ini memperlihatkan mesej keagamaan yang signifikan menerusi penghayatan dan penganalisan terhadap rangkap dan baris dalam kedua-dua buah sajak. Dapatan kajian yang menunjukkan kehadiran ketiga-tiga pendekatan, terdapat dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Dapatan Kajian

Sajak	Pengkaedahan Keagamaan		
	Pendekatan dakwah	Pendekatan kemasyarakatan	Pendekatan seni
Khutbah II	/	/	/
Iktikaf 2	/	/	/

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 1, mesej keagamaan ini diperlihatkan menerusi pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni dalam pengkaedahan keagamaan berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Kehadiran ketiga-tiga pendekatan tersebut memanifestasikan bahawa kedua-dua sajak memiliki keistimewaan dan berkeupayaan dalam menyampaikan amanat keagamaan sebagai langkah bagi mentarbiyahkan masyarakat dan meningkatkan keimanan kepada jalan Allah.

Pendekatan Dakwah

Dakwah membawa maksud usaha dalam menyampaikan ajaran Islam secara langsung mahupun tidak langsung dengan menggunakan kaedah tertentu untuk mempengaruhi orang ramai agar dapat mengikuti perkara yang diajar tanpa paksaan (Nurwahidah, 2007). Sementara menurut Ghazali Darusalam (1996) dakwah bermaksud ‘menjemput, mengajak, memanggil, dan menyeru untuk mentarbiyah ke arah kebaikan dan pengertian dari segi syarak pula bermaksud mempertahankan dan mengembangkan eksistensi sesuatu agama’. Justeru, pendekatan dakwah berkisar tentang penelitian sastera sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap ajaran dan seruan agama Islam.

Seruan Dakwah dalam Khutbah II

Pendekatan dakwah dalam sajak *Khutbah II* terdapat dalam rangkap ketiga sajak ini iaitu:

Sebelum hadirnya detik waktu
memindah musim
siapkan baja keinsafan
siapkan dangau kesabaran
siapkan batas kesucian
laman impian
(Mustafa Jusoh, 2001: 140)

Rangkap ini menyampaikan amanat dan peringatan kepada masyarakat bahawa sebuah kehidupan harus bertunjangkan ketakwaan kerana kehidupan ibarat musim. Ketakwaan kepada agama menerusi keinsafan dan kepatuhan kepada tuntutan agama akan membawa kebahagiaan dunia akhirat. Manusia harus bersiap siaga untuk mendepani pelbagai kemungkinan yang bakal terjadi. Berdasarkan baris sajak “Sebelum hadirnya detik waktu” dan baris sajak “memindah musim” menggambarkan sebuah kehidupan yang tidak menentu atau ibarat teka-teki. *Sebelum hadirnya detik waktu* suatu peringatan kepada manusia bahawa hidup ini ada penghujungnya, iaitu detik kematian (detik waktu) yang akan dihadapi semua orang, tanpa pengecualian. Justeru, setiap insan harus beringat untuk mendepani detik tersebut dengan bekalan. *Memindah musim* merujuk kepada situasi atau keadaan yang boleh berubah atas faktor masa dan pengaruh persekitaran yang sinonim dengan sesebuah kehidupan yang akan berubah apabila badai atau dugaan melanda. Cabaran dan dugaan yang menyinggahi kehidupan akan menguji keimanan seseorang sehingga menuntut individu untuk mendepaninya dengan cekal. Oleh itu, dalam rangkap ini pengarang menyampaikan amanat agar kita kembali kepada Tuhan dengan meningkatkan ketakwaan sebelum dugaan melanda. Amanat ini mengajak agar umat Islam turut beringat sebelum “musim” dan “detik waktu” itu tiba.

Baris sajak “siapkan baja keinsafan” dan “siapkan dangau kesabaran” mengajak dan menyeru manusia agar insaf sebelum terlambat. Keinsafan mencitrakan sifat *tawadhuk* atau rendah diri dalam diri umat Islam dalam proses menjalani kehidupan yang berpaksikan ketakwaan. Pemikiran dan inti pati *tawadhuk* ini mencitrakan pemikiran santun merendah diri seseorang, iaitu orang yang menginsafi tugasnya sebagai hamba Allah selain dipandang tinggi dan mulia dalam masyarakat. “Siapkan dangau kesabaran” pula menuntut setiap umat meningkatkan keimanan menerusi kesabaran. Seseorang harus membekal dan menyiapkan dirinya dengan kesabaran yang tinggi dalam mengharungi ujian dan dugaan yang datang umpama “ribut”. Ketakwaan dan kesabaran yang tinggi akan mengupayakan seseorang menepis dan mengharungi dugaan dengan kejayaan. “Siapkan batas kesucian” mengukuhkan lagi ketakwaan seseorang kepada Allah sebagai pencipta yang agung di muka bumi ini. Kesucian berupaya dicapai menerusi sikap dan akhlak yang mulia, iman yang tinggi, berpegang teguh pada ajaran agama, keikhlasan hati dan keperibadian yang tinggi. Akhlak juga instrumen dakwah yang signifikan untuk menyebarkan keindahan Islam kepada masyarakat agar mendekati

Islam dengan mudah. Jika semua pakej tersebut dipenuhi, maka sebuah kehidupan akan mencapai “laman impian”, iaitu syurga sama ada dalam sebuah kehidupan mahupun kedudukan di alam barzakh yang menjadi idaman setiap umat Islam. Jelasnya, rangkap ini merincikan mesej dakwah bahawa umat manusia harus meningkatkan ketakwaan kepada Allah bagi mendepani setiap dugaan selain berkeupayaan mencapai kehidupan yang sempurna. Sara Beden dan Siti Azura Juih (2020) menegaskan bahawa masyarakat Islam pada hari ini, perlu disuguhkan dengan bahan bacaan yang bersendikan ketauhidan, ketakwaan dan keagamaan dengan menggalurkan mesej yang bermanfaat terhadap kehidupan manusia dunia dan akhirat.

Seruan Dakwah dalam Iktikaf 2

Pendekatan dakwah juga terdapat dalam sajak Iktikaf 2. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019) mentakrifkan iktikaf sebagai perbuatan bermunajat kepada Allah. Tajuk sajak ini sudah mencerminkan pemikiran keagamaan dan mesej ketakwaan kepada Allah oleh seseorang yang khusyuk bermunajat kepada Allah. Sastra yang memperlihatkan penerapan pendekatan ini merupakan sastra yang menyajikan tema dan persoalan yang bersandarkan keimanan dan bersendikan akidah agama Islam. Dalam konteks ini, sastra diperlihatkan sebagai medium untuk menyeru umat sarwajagat untuk mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Sastra, sama ada genre prosa mahupun puisi dilihat sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah yang maha agung. Pendekatan dakwah jelas terlihat dalam rangkap pertama sajak Iktikaf 2 seperti berikut:

Aku mengetuk pintu zikir
dengan paluan nafsu yang bisu
adalah penyerahan paling kudus
(Naapie Mat, 2001: 148)

Rangkap pertama sajak ini dalam baris “Aku mengetuk pintu zikir”, “dengan paluan nafsu yang bisu” dan “ adalah penyerahan paling kudus” amat signifikan dalam menzahirkan tema dan mesej ketakwaan kepada Allah. Pengarang menggunakan watak ‘aku’ yang mungkin mewakili dirinya sendiri yang mula melafazkan zikir dan menyerahkan dirinya kepada Allah. Baris sajak “adalah penyerahan paling kudus” menzahirkan sikap ikhlas penyajak yang mendalam ketika bermunajat kepada Allah. Munajatnya penuh

dengan kekhusyukan dan kekudusan atau kesucian hati yang putih bersih sebagai jalan pasrah kepada Allah. Seseorang yang pasrah sewajarnya menyucikan hatinya agar khusyuk ibadatnya kepada Allah. Berdasarkan baris sajak “dengan paluan nafsu yang bisu” jelas memperlihatkan kekudusan hati penyajak dalam menyerahkan dirinya kepada Allah kerana dia langsung tidak memikirkan nafsu duniawi. Penyajak bertekad “mematikan” nafsunya demi penyerahannya kepada Allah. Ketunjangan hatinya yang kudus untuk bertakwa kepada Allah mencitrakan ketelusan dan keikhlasannya dalam mempertingkatkan keimanan dan akhlak yang mulia. Perbuatan ini berupaya menjadi unsur dakwah dalam menyeru umat sejagat agar bermunajat kepada Allah demi kebaikan. Ghozali dan Kamri (2015), menegaskan bahawa akhlak yang baik adalah sebagai salah satu ciri personaliti Islam yang memberikan kesan positif.

Seterusnya, rangkap kedua sajak Iktikaf 2, jelas menunjukkan unsur dakwah yang disuguhkan pengarang seperti berikut:

Memanjat zikir di tangga rumah-Mu
ketika waktu semakin fana
dengan seribu macam doa kudus
maka inilah iktikafku
yang paling muktamad
Dengan suara yang kecil
mencelah di tabir iktikaf
aku menadah tangan
nirmalalah sangkar hidupku
kerana waktu semakin fana
(Naapie Mat, 2001: 148)

Baris “Memanjat zikir di tangga rumah-Mu”, “ketika waktu semakin fana” dan “dengan seribu macam doa kudus” turut mengkomunikasikan mesej ketakwaan, iaitu penyajak membulatkan tekadnya untuk beriktikaf atau bermunajat kepada Allah. Seseorang yang berhajat untuk bermunajat kepada Allah sebenarnya merupakan umat yang menuju jalan takwa dan menzahirkan imannya yang tinggi. “Memanjat zikir di tangga rumah-Mu”, membawa pengertian mendalam bahawa seseorang mengingati Allah dengan berzikir di rumah Allah, iaitu masjid mahupun surau. Baris sajak “maka inilah iktikafku” dan “yang paling muktamad” memanifestasikan keazaman yang teguh dan tekad penyair atau seseorang yang bermunajat kepada Allah. Penyerahan dirinya kepada Allah merupakan keputusan paling

muktamad yang diambilnya dalam menuju ketakwaan yang berupaya menyeru dan mengajak umat Islam untuk melakukan amal kebaikan.

Sementara baris sajak “Dengan suara yang kecil”, “mencelah di tabir iktikaf”, “aku menadah tangan” “nirmalalah sangkar hidupku” dan “kerana waktu semakin fana” melambangkan kegigihan dan keazaman penyair dalam mencapai objektif atau arah tujuannya untuk bermunajat. Baris sajak “Dengan suara yang kecil” menginterpretasikan sikap *tawadhu* atau sifat rendah diri penyair apabila berkomunikasi dengan Allah dalam mencapai iktikafnya. Sebagai hamba Allah, sewajarnya kita bersikap *tawadhu* dalam menjalani kehidupan mahupun beribadat. Baris sajak “mencelah di tabir iktikaf” dan “aku menadah tangan” menzhirkan usaha penyair yang ketika bermunajat kepada Allah sambil berdoa menadah tangan memohon keampunan. Tindakan berdoa kepada Allah merupakan projeksi ketakwaan dalam menjalani kehidupan beragama kerana doa sewajarnya dipanjatkan kepada yang Maha Esa kerana Allah maha pemberi dan memakbulkan doa umat manusia, asalkan kita tidak berputus asa. Baris sajak “nirmalalah sangkar hidupku” mencitrakan kesucian doanya agar seluruh kehidupannya bersih dari segala noda dan dosa selain memperlihatkan kesedarannya bahawa masa semakin singkat dan mencabar berdasarkan baris sajak “kerana waktu semakin fana”.

Ringkasnya, kedua-dua sajak mengkomunikasikan mesej dakwah sebagai pengajaran dan ajakan mahupun seruan kepada umat manusia agar menginsafi diri untuk menjadi Muslim yang bertakwa dan meletakkan dirinya sebagai hamba yang patuh dengan suruhan Allah. Pg. Haji Yakup dan Mohamad Mokhtar (2018) memperjelas bahawa dalam berdakwah, umat Islam dapat memenuhi sifat mukmin sejati yang dapat membezakan diri manusia daripada golongan yang munafik. Walau bagaimanapun, terdapat juga permasalahan seperti kemungkar, penipuan, keingkaran, keangkuhan dan materialistik yang menjadikan manusia leka dan alpa dengan kemewahan dunia yang sementara. Situasi ini memerlukan dakwah kerana dakwah mampu menginsafkan manusia dan menjurus ke arah kebaikan dan kesejahteraan umat manusia (Sara dan Nur Aisyah Shahira, 2021).

Pendekatan Kemasyarakatan

Karya sastera ialah cerminan perlakuan, corak dan amalan masyarakat. Segala permasalahan mahupun amalan kebaikan yang berlaku dalam

kalangan masyarakat didedahkan dalam sastra dengan penuh keberanian daripada pengarang. Che Abdullah (2018), menjelaskan bahawa karya sastra berperanan untuk mendedahkan gaya hidup masyarakat yang baik serta diredai oleh Allah. Justeru, pendekatan kemasyarakatan dalam pengkaedahan keagamaan ini menekankan usaha untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat menerusi karya sastra. Sara dan Nur Aisyah Shahira (2021) menegaskan bahawa secara tidak langsung, pendekatan ini menjadikan sastra sebagai cerminan amalan mulia masyarakat Islam.

Kesejahteraan Masyarakat dalam Khutbah II

Pendekatan kemasyarakatan diperlihatkan dalam sajak *Khutbah II* berdasarkan rangkap pertama sajak seperti berikut:

ladang kehidupan
pohon ketakwaan
bertunas kembang kelopak mekar
berputik hijau berbuah segar
genggamlah pucuk menular; nur keimanan
(Mustafa Jusoh, 2001: 140)

Rangkap pertama sajak ini menyampaikan amanat sebuah kehidupan yang “sakinah mawaddah” sewajarnya dibentuk oleh masyarakat. Sajak ini mencerminkan sebuah keluarga yang sewajarnya dibentuk dan dibina oleh ibu bapa agar anak-anak mendapat kesejahteraan dan kebahagiaan. Hamka (2017) menganalogikan bahawa “Rumah adalah kerajaan, isteri ialah Sri Ratu yang mempunyai kuasa yang cukup di dalamnya”. Analogi ini mencerminkan pengertian pemikiran yang tersirat tentang besarnya tanggungjawab dan signifikannya peranan ibu bapa dalam rumah tangga untuk mencapai kebahagiaan dan menentukan hala tuju keluarga berkenaan. Amanat-amanat yang positif dalam sajak ini menjadi penawar kepada masyarakat dalam mengharungi kehidupan di dunia. Dalam konteks ini, jelas peranan sastra dalam menyuguhkan sumber ilmu yang berkeupayaan mentarbiyah masyarakat. Penggunaan “ladang kehidupan” dalam sajak ini mewakili sebuah kehidupan atau lebih khususnya sebuah keluarga yang terbina dengan “pohon ketakwaan”. “Pohon ketakwaan” yang menjadi tunjang sesebuah keluarga akan berupaya melahirkan sebuah keluarga yang berpayungkan keimanan selain berupaya membentuk ahli keluarga terutama anak-anak yang hidup sempurna sebagaimana yang dicitrakan menerusi ungkapan “bertunas kembang

kelopak mekar” dan “berputik hijau berbuah segar”. “Bertunas” dan “berputik” menzhahirkan pertumbuhan anak-anak yang sihat dan sempurna bagi mewujudkan sebuah keluarga yang “sakinah” iaitu keluarga yang dilimpahi kasih sayang dan kebahagiaan. Sehubungan dengan itu, apabila pembentukan dan didikannya kukuh maka anak-anak akan membesar dan hidup dengan sempurna sebagaimana baris sajak “bertunjang akar pucuk menular”. Jika tunjang tidak kuat, kemungkinan anak-anak tidak dapat membesar dengan kesempurnaan. Justeru, akhlak yang mulia menjadi landasan dan sendi bagi seseorang Islam dalam menjalani kehidupan sama ada secara individu atau bermasyarakat. Seterusnya, anak-anak membesar sebagai generasi yang mulia zahir dan batinnya sebagaimana tuntutan agama. Zahir dan batin memperlihatkan perkembangan dari segi emosi, minda, jasmani, rohani dan intelektualnya. Aspek-aspek ini berkembang dengan subur dan sihat sebagaimana yang dicerminkan menerusi ungkapan “kelopak mekar; wangi batiniah” dan “berbuah segar; manis lahiriah”. Analogi “berbuah segar” dan “kelopak mekar” mencerminkan generasi yang hendak dilahirkan, iaitu yang sihat fizikal, sihat mental dan rohaninya bersih. Ungkapan puitis “manis lahiriah” menzhahirkan generasi yang sopan atau *musoffan*, ayu dan berkeperibadian mulia. Sahsiah dan kehalusan berbudi pekerti yang mulia berhubung rapat dengan konsep sopan atau *musoffan*. Asmah (2007) menjelaskan bahawa “sopan merupakan infleksi daripada *musoffan* dalam bahasa Arab yang disesuaikan dengan akhlak dan tingkah laku yang berpekerti mulia. Sementara “wangi batiniah” menjurus kepada kesucian hati nurani dan aspek kerohanian yang menebal dengan ilmu agama dan iman yang tinggi.

Baris “genggamlah pucuk menular; nur keimanan” pula menyampaikan amanat kepada masyarakat bahawa generasi yang membesar itu harus diawasi, ditarbiyah dan dibajai dengan keimanan yang tinggi agar mereka berada di landasan yang betul. Keimanan tersebut lahir daripada kesempurnaan akhlak dalam diri individu. Iman merupakan harta paling berharga yang dimiliki oleh umat Islam dalam kehidupan ini dan bertindak sebagai piawaian yang menentukan martabat seseorang manusia di sisi Allah Taala sama ada berbahagia di dunia dan akhirat atau sengsara yang tidak berkesudahan dalam neraka. Justeru, bibit-bibit keimanan sebagaimana seruan agama wajar dilestari agar kesejahteraan dapat direalisasikan. Harjoni Desky dan Syamsul Rijal (2021) menyifatkan bahawa perilaku yang dimainkan oleh individu ataupun kelompok itu berkaitan dengan sistem keyakinan daripada ajaran agama yang dianutnya. Perilaku individu dan sosial digerakkan

oleh kekuatan dari dalam yang didasarkan pada nilai-nilai keimanan dalam ajaran agama.

Rangkumannya, rangkap pertama sajak Khutbah II ini menyampaikan amanat yang positif kepada masyarakat bahawa pembentukan generasi yang sempurna dan mulia merupakan tanggungjawab keluarga agar generasi yang bakal mewakili masyarakat suatu hari nanti memiliki nilai-nilai keinsanan dan akhlak yang luhur dan murni. Tambahan pula akhlak merupakan cerminan kesempurnaan iman, ketakwaan dan warisan maknawi yang diwariskan kepada seseorang manusia yang berakal agar mencapai kebahagiaan hidup. Noraini Junoh et al. (2023), menyifatkan bahawa kebahagiaan hakiki terhasil daripada kesungguhan dan ketabahan yang dilakukan oleh seorang mukmin semasa hidup di dunia dalam menunaikan ketaatan atau semasa menempuh ujian dan rintangan atau dalam menghadapi godaan daripada perkara-perkara dosa dan maksiat. Justeru, akhlak yang mulia dan sempurna menjadi pasak dan sendi kepada seseorang Islam dalam menjalani kehidupan sama ada secara individu mahupun bermasyarakat.

Kesejahteraan Masyarakat dalam Iktikaf 2

Sajak *Iktikaf 2* turut memaparkan mesej keagamaan sebagai pedoman dan panduan kepada masyarakat menerusi pendekatan kemasyarakatan. Penyair memperlihatkan ciri-ciri insan kamil yang berupaya memberikan contoh teladan kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan yang sempurna. Ciri-ciri insan kamil seperti ketakwaan kepada Allah dengan bermunajat dan berdoa kepada Allah terdapat dalam baris-baris sajak *Iktikaf 2*:

Aku mengetuk pintu zikir
memanjat zikir di tangga rumah-Mu
dengan paluan nafsu yang bisu
adalah penyerahan paling kudus
dengan suara yang kecil
mencelah di tabir iktikaf
aku menadah tangan

(Naapie Mat, 2001: 148)

Baris sajak “Aku mengetuk pintu zikir”, “dengan paluan nafsu yang bisu” dan baris “adalah penyerahan paling kudus” berupaya

untuk mentarbiyah masyarakat tentang panduan untuk menuju ketakwaan dan kesejahteraan dalam kehidupan. Amalan berzikir, mengesampingkan urusan dunia dan pasrah dengan bertaubat kepada Allah dengan hati yang suci dan ikhlas memprojeksikan amalan mulia sebagai masyarakat Islam. Penyair juga menunjukkan sikap *tawadhuk*, iaitu sikap umat yang beriman ketika bermunajat kepada Allah menerusi baris “dengan suara yang kecil”, iaitu selayaknya sebagai insan kerdil di muka bumi ini. Rumah Allah menjadi tempat penyair mencurahkan isi hati dan berzikir dalam memenuhi kebesaran Ilahi bagi menyucikan dosa-dosanya menerusi baris sajak “Memanjat zikir di tangga rumah-Mu”, yang merujuk kepada masjid mahupun surau yang menjadi tempat beribadat. Sementara baris sajak “mencelah di tabir iktikaf” dan baris “aku menadah tangan” jelas mencitrakan ketunjangan dan kesungguhan jiwa penyair untuk beribadat dan bertakwa kepada Allah dengan memohon dan memanjatkan doa kepada Allah. Berdoa, berzikir dan bertaubat merupakan *platform* atau medium paling mujarab bagi umat Islam untuk meningkatkan keimanan dan tanda taubat kepada Allah. Amalan yang mulia dan suci akan membebaskan umat Islam daripada sifat *mazmumah* atau tercela, sebaliknya ketakwaan kepada Allah menjadi keutamaan. Berdasarkan tindakan dan amalan penyair dengan disertai sikap-sikap yang mulia dalam sajak “Iktikaf 2”, jelaslah sajak ini berupaya menjadi contoh, teladan dan memberi bimbingan kepada masyarakat untuk menuju kesejahteraan dan kebahagiaan hidup. Impaknya, umat Islam akan menjadi umat yang taat dan patuh kepada peraturan dan hukum-hakam agama. Menurut Abd. Rahim Ismail dan Khairuddin Mohamad (2017) pendekatan kemasyarakatan memperlihatkan sastra sebagai satu alat untuk mendedahkan persoalan yang bertujuan mendapatkan kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat selari dengan kehendak Islam.

Pendekatan Seni

Pendekatan seni digunakan untuk menilai aspek dalaman mahupun luaran sesuatu karya sastra, iaitu menjadikan unsur keindahan dalam karya sastra sebagai suatu persoalan utama (Syaidul Azam dan Arbai'e Sujud, 2017). Menurut Che Abdullah (2018) pendekatan seni dalam penelitian sastra adalah menemukan segala-galanya bagi memperkukuh tapak-tapak asas yang murni dan suci, iaitu keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah. Tersiratnya, pendekatan seni diperlihatkan menerusi keindahan yang sifat dan tuntutannya menjadi

objek penelitian untuk ditemukan dalam sastra menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya sama ada menerusi bentuk ekstrinsik mahupun intrinsiknya. Sesebuah puisi sememangnya berseni yang diperlihatkan menerusi gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang sehingga menyerlahkan pemikiran dan tema yang hendak disuguhkan kepada khalayak.

Estetika dalam Khutbah II

Sajak *Khutbah II* menyajikan gaya bahasa yang puitis sehingga memprojsikan pemikiran keagamaan dan tema ketakwaan dan keimanan kepada Tuhan sebagai pencipta. Rentetan itu, pengarang menggunakan gaya bahasa yang simbolik dan metaforik. Kecenderungan penyajak menggunakan gaya puitis metafora mencitrakan pemikiran simbolik dan metaforik penyair dalam penciptaan. Penyair berhasrat agar khalayak menghayati, berfikir dan mentafsir atau menginterpretasi maksud di sebalik kepuitisan dan nilai estetika bahasa dalam sesebuah sajak. Oleh itu, diharapkan idea, mesej dan amanat penyair sampai kepada hati nurani khalayak dan berupaya memberikan manfaat serta pengajaran yang positif kepada mereka dalam menjalani kehidupan di dunia yang fana ini. Contohnya dapat dilihat seperti berikut:

ladang kehidupan
pohon ketakwaan
taufan nafsu
ribut godaan
ribut duniawi
baja keinsafan
dangau kesabaran

(Mustafa Jusoh, 2001: 140)

Sajak *Khutbah II* kaya dengan unsur metaforik menerusi penggunaan gaya bahasa metafora yang menyuguhkan maksud yang tersirat daripada yang tersurat. Pengarang memperlihatkan kecenderungan memadankan unsur yang konkrit dan abstrak bagi menghasilkan padanan dan kesepaduan makna yang simbolik bagi mencerminkan kehidupan serta mengukuhkan pemikiran keagamaan dalam sajak. Pengarang menggunakan frasa “ladang kehidupan” bagi mencerminkan sebuah kehidupan yang memerlukan penjagaan dan pemeliharaan agar hasilnya nanti subur dan sihat. Secara literalnya ladang sinonim dengan

kebun yang sewajarnya diusahakan agar membuahkan hasil yang lumayan. Begitulah juga dengan kehidupan manusia sama ada secara individu mahupun dalam sesebuah keluarga yang memerlukan usaha bagi memastikan ahli keluarga sihat, berakhlak mulia dan sempurna. Seterusnya, diperlihatkan penggunaan frasa “pohon ketakwaan”. Pohon sinonim dengan pokok tetapi digabung atau dipadankan dengan ketakwaan sehingga maknanya menjadi puitis dan mendalam bagi mencerminkan keimanan kepada Allah. ‘Pohon ketakwaan’ tidak dapat ditemukan walaupun seseorang berkelana di seluruh dunia, kerana “pohon ketakwaan” terdapat dalam diri manusia itu sendiri yang menjelma jika kehidupan disuburkan dengan *amal makruf nahi mungkar*. Amalan-amalan yang mulia akan meningkatkan ketakwaan seseorang kepada Allah. Sementara penggunaan frasa “ribut duniawi” pula menunjukkan pengarang mengambil ikhtibar daripada unsur alam, iaitu ribut yang kejadiannya tanpa diduga atau di luar kawalan manusia. “Ribut duniawi” mengkomunikasikan makna bahawa cabaran dan dugaan hidup di dunia ini akan melanda dan menguji manusia pada bila-bila masa sahaja. Penggunaan “ribut godaan” juga memprojsikan simbolik sebuah kehidupan yang sering digoda dan diduga tanpa disangka-sangka. Kadang-kadang ribut melanda sesuatu kawasan dengan drastik sehingga semua orang tidak sempat bersedia dan meranapkan aspek fizikal dan mental kehidupan. Justeru, manusia harus sentiasa bersiap siaga dan berwaspada untuk mendepaninya. Dugaan dan cabaran itulah yang menguji keimanan manusia untuk mengatasinya dengan jalan takwa.

Satu lagi unsur alam yang sering berkonflik dengan manusia yang digunakan pengarang ialah “taufan” yang lebih dahsyat penangannya daripada ribut. Kejadian taufan bukan sahaja meranapkan harta benda malahan mendatangkan bencana kepada manusia. Penggunaan metafora ‘taufan nafsu’ dalam sajak ini menganalogikan dugaan dari segi gejolak dan gelora nafsu manusia yang tidak terkawal sehingga mendatangkan kemudaratan dan kebejatan jika manusia tiada tunjang keimanan. Apabila manusia tidak berupaya mengawal nafsu syaitan maka terjadilah kemungkaran yang membawa kebinasaan dan kemaksiatan. Metafora “taufan nafsu” dalam sajak ini suatu seni yang puitis dan simbolik yang menandakan sifat manusia yang berkiblatkan nafsu dan kehendak dalam memenuhi dan menangani kepuasan dunia. Penggunaan “ribut” dan “taufan” amat signifikan bagi mencerminkan badai atau cabaran yang datang dalam kehidupan. Dalam konteks kehidupan biasa, “ribut” dan “taufan” merupakan

unsur alam yang melanda tanpa amaran. Oleh itu, setiap umat manusia harus berwaspada dengan mengental dan mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah agar mampu menangkis segala dugaan. Penggunaannya dalam sajak seperti berikut:

dinoda ribut duniawi
digoda taufan nafsu
(Mustafa Jusoh, 2001: 140)

Selain itu, bagi memantap dan mengukuhkan amanat keagamaan dalam sajak ini, gaya bahasa metafora digunakan dengan berkesan. Metaforik “baja keinsafan” dan “dangau kesabaran” dipilih dan digunakan penyajak bagi menyelamatkan manusia daripada “ribut duniawi”, “ribut godaan” dan “taufan nafsu”. “Baja keinsafan” merupakan kombinasi dua kata secara harfiahnya yang tidak berkaitan tetapi mengkomunikasi makna kesuburan dan kekuatan keimanan apabila wujud keinsafan atau kesedaran yang mendalam dalam diri manusia. Walau bagaimanapun, keinsafan harus disemai menerusi didikan, bimbingan dan ajaran yang berlandaskan agama. Penyemaian keinsafan dalam diri seseorang, akhirnya akan menunjukkan sikap insan takwa, insan kamil dan iman yang tinggi dalam setiap perlakuannya. Sementara penggunaan “dangau kesabaran” juga amat puitis dan metaforik bagi mencitrakan sikap positif, sabar dan mulia yang sewajarnya dimiliki setiap insan. “Dangau” dari segi literalnya hanyalah sebuah pondok kecil yang dibina untuk berteduh. Apabila “dangau” dikombinasi dengan kesabaran, maka membawa pengertian lebih mendalam, iaitu himpunan sikap sabar yang tinggi dalam jiwa dan naluri individu. Berlandaskan penggunaan metafora “baja keinsafan” dan “dangau kesabaran” dalam diri individu, maka “laman impian” berupaya dimiliki. Penggunaan “laman impian” mengkomunikasikan maksud tempat yang dicita-citakan oleh setiap orang untuk menghuninya, iaitu syurga. Lazimnya, setiap umat akan menginginkan sebuah kehidupan yang bahagia dan sempurna berpaksikan ketakwaan kepada Tuhan. Penggunaan metafora dalam sajak ini menjadi lebih berkesan apabila diasosiasikan dengan baris-baris sajak berikut:

reputnya tunas menjadi sampah
busuknya putik menjadi ulat
hancurnya tunjang menjadi habuk
(Mustafa Jusoh, 2001: 140)

Baris-baris sajak “reputnya tunas menjadi sampah”, “busuknya putik menjadi ulat” dan baris “hancurnya tunjang menjadi habuk” memberikan gambaran tentang impak “ribut duniawi” dan “taufan nafsu”. Penggunaan diksi “ulat”, “sampah” dan “habuk” dalam sajak ini mencerminkan konotasi negatif dan memberikan impak kepada sebuah kehidupan yang tiada amalan ketakwaan dan keimanan yang tinggi. Apabila sesebuah keluarga tidak membudayakan kehidupan dengan bersendikan tiang agama menerusi didikan keagamaan, maka benih yang disemai serta disiram dan pokok yang dijaga atau dibelai tidak membuahkan hasil yang sempurna dan lumayan. Sebaliknya, benih yang disemai tidak sempat membuahkan hasil kerana putiknya sudah busuk menjadi ulat manakala tunasnya sudah reput menjadi sampah dan tunjang atau akarnya sudah reput menjadi habuk. Penggunaan baris-baris sajak ini dalam menganalogi kehidupan manusia amat estetik dan bertepatan dengan mesej yang hendak disampaikan pengarang agar setiap manusia sentiasa menanam takwa dan menyemai keinsafan dalam diri mereka. “Benih” itu umpama anak-anak dalam sesebuah keluarga yang sewajibnya “dibajai” oleh ibu bapa dengan diberi didikan agama secukupnya agar membesar menjadi insan yang berguna dan sempurna akhlaknya. Dengan kata lain, individu yang tidak memiliki ketakwaan dan keimanan yang tebal dalam menepis serta menangkis godaan dan cabaran di dunia ini akan menjadi insan yang tidak berguna atau sampah di sisi masyarakat. Insan yang tidak berguna ini dianalogi sebagai “ulat” dan “sampah” yang bersifat kotor, jijik dan busuk yang berada di kawasan pembuangan. Ringkasnya, penyair mengaplikasi, memanipulasi dan menganalogikan unsur estetika sastra menerusi penggunaan metafora, imejan, unsur alam fauna dan flora dalam menyampaikan mesej keagamaan dalam sajak ini bagi menyemai keinsafan dalam kalangan umat sarwajagat.

Eстетika dalam Iktikaf 2

Sajak “Iktikaf 2” juga memanifestasikan nilai estetika yang bersabit dan bertepatan dengan pemikiran keagamaan yang hendak disampaikan penyair. Penyair banyak menggunakan unsur metafora seperti “pintu zikir”, “tabir iktikaf”, “langit zaman”, “angin nostalgia” dan “sangkar hidupku” yang mencerminkan mesej keagamaan. Penggunaan metafora dalam penciptaan mencitrakan pemikiran metaforik penyair dalam menyuguh dan mengejapkan amanatnya agar menzhahirkan nilai estetika sastra. Misalnya, “pintu zikir” dan “tabir

iktikaf” berkaitan dengan ketakwaan iman penyair yang bermunajat kepada Allah. “Pintu zikir” diibaratkan sebagai gerbang menuju kedamaian batin dan pencerahan spiritual serta platform untuk menuju pemahaman yang lebih mendalam tentang diri dan Pencipta. Zikir memberdayakan seseorang untuk menyelami fasa ketenangan yang menghubungkan hati dengan Ilahi. Zikir merupakan penawar mujarab untuk mendapat keredaan dan balasan kebaikan daripada Allah selain menunjukkan seseorang individu tersebut benar-benar *beriktikaf*. “Tabir iktikaf” pula melambangkan tirai yang memisahkan dunia luar dengan dunia batin yang tenang. Iktikaf merupakan sebuah fasa pengasingan untuk seseorang merenung dan mendekatkan diri kepada Tuhan. Penggunaan “tabir” dalam sajak ini bukan hanya simbol tetapi menyirati setiap detik adalah kesempatan untuk menyucikan jiwa dan menemukan cahaya menerusi ketulusan dan keikhlasan dalam beribadah. Contohnya dapat dilihat dalam bait-bait berikut:

melewati pintu zikir
terbentang tabir iktikaf
mengufuk di langit zaman
menebar angin nostalgia
menunjangi sangkar hidupku
(Naapie Mat, 2001: 148)

Penggunaan “langit zaman”, “angin nostalgia” dan “sangkar hidupku” amat puitis bagi menzahir dan menyiratkan sebuah kehidupan yang penuh dengan pelbagai cabaran di alam fana. “Langit” secara harfiahnya merupakan alam cakerawala ciptaan Tuhan di bumi ini apabila dikombinasi dengan “zaman” membawa pengertian dunia atau tempat pinjaman yang kita huni ini hanya sementara. “Angin” merupakan unsur alam yang sifatnya sangat abstrak, tidak nampak tetapi dapat dirasakan kedinginannya. Apabila digabungkan dengan “nostalgia” maknanya peristiwa atau kenangan dalam kehidupan kita akan bersilih ganti dan tidak kekal sifatnya sebagaimana kehidupan yang ada pasang surutnya. Justeru, sebagai insan kerdil kita sewajarnya meningkatkan keimanan untuk menghadapi apa-apa rintangan dalam melayari bahtera kehidupan yang dimanifestasi melalui bait “sangkar hidupku”.

Gaya bahasa personifikasi “paluan nafsu yang bisu” pula amat signifikan dalam mencitrakan kekuatan penyair untuk bermunajat dengan tidak lagi memikirkan kehendak atau hal keduniaan yang berupaya

mengheret manusia ke arah kelalaian. Penyair telah menetapkan tekad dan kekentalan hatinya yang suci untuk menyerah dengan pasrah kepada Allah. Penggunaan gaya bahasa puitis “paluan nafsu yang bisu” mengkomunikasikan cabaran hebat daripada tuntutan nafsu atau kehendak yang secara diam-diam boleh memperdayakan manusia ke jalan yang mungkar, walaupun nafsu diberikan sifat bisu. Kepasrahan dan penyerahan diri kepada Allah dengan keimanan yang kukuh akan mampu menepis desakan nafsu. Penggunaan unsur alam dalam baris “dengan segala warna bianglala” turut puitis dan berestetika dalam menganalogikan “bianglala” dengan sebuah kehidupan. “Bianglala” merujuk kepada pelangi yang memiliki pelbagai warna yang indah. Penyair menganalogikan pelangi sebagai sebuah kehidupan yang penuh dengan warna-warni, iaitu kegembiraan, kedukaan, keriang dan kesedihan. Kepelbagaian rencah kehidupan inilah yang mewarnai dan mendorong kehidupan manusia untuk kembali ke pangkal jalan apabila menemukan jalan buntu. Bait-bait dalam sajak tersebut adalah seperti berikut:

paluan nafsu yang bisu
dengan segala warna bianglala
(Naapie Mat, 2001: 148)

Sehubungan dengan itu, baris sajak “adalah penyerahan paling kudus” dan baris sajak “dengan seribu macam doa kudus” amat signifikan mencerminkan mesej keagamaan menerusi kosa kata “kudus”. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019) “kudus” bermaksud tidak tercela, suci, bersih dan murni. Kesemua maksud ini berkaitan dengan ajaran agama Islam yang suci dan murni tanpa cela. Jika seseorang bertakwa kepada Allah dengan kudus, maka kehidupannya lebih *kamil*. Sementara penggunaan “aku menadah tangan” merupakan perbuatan berdoa. Seseorang yang berdoa, sudah pasti menadah tangan untuk memohon keampunan kepada Allah bagi menunjukkan kekerdilannya di sisi Allah agar ketakwaan dapat ditingkatkan dalam kehidupan. “Rahsia perarakan cakerawala” pula memperlihatkan kekuasaan Allah sebagai pencipta di dunia ini. Segala pergerakan dan kitaran alam cakerawala di langit dan di bumi, malahan apa-apa sahaja kejadian di muka bumi adalah dalam kekuasaan dan kerahsiaan Allah, tidak diketahui oleh sesiapa di dunia ini. Hakikatnya, Allah yang menentukan segala-gala kejadian yang memiliki sebab musabab dan akibatnya di dunia ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sajak “Khutbah II” dan sajak “Iktikaf 2” mematuhi tuntutan gagasan dalam pengkaedahan keagamaan berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu. Kedua-dua sajak memperlihatkan mesej keagamaan yang signifikan menerusi ketiga-tiga pendekatan, iaitu dakwah, kemasyarakatan dan seni. Mesej keagamaan disampaikan oleh penyajak dengan pemilihan dan penggunaan diksi dan frasa yang puitis, sesuai dan mencitrakan nilai-nilai ketakwaan dan keimanan. Justeru, mesej keagamaan tersebut berupaya memberikan peringatan, kesedaran, keinsafan dan pengajaran kepada umat Islam dan khalayak untuk menyeimbangi tuntutan duniawi. Justeru, genre sastra seperti sajak sewajarnya menyajikan gagasan yang bersendikan ketauhidan, ketakwaan dan keagamaan dengan menggalurkan mesej yang bermanfaat terhadap kehidupan manusia dunia dan akhirat. Ringkasnya, menerusi genre puisi moden, usaha untuk mengingat dan berpesan kepada umat manusia agar menyeimbangi kehidupan dengan tuntutan agama berupaya direalisasi menerusi mesej dan amanat keagamaan bagi kemaslahatan umat.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada pihak editor Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya *RENTAS* atas peluang yang diberikan untuk menerbitkan artikel dalam jurnal ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Sara Beden: Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemilihan tajuk dan reka bentuk penyelidikan, termasuk pembangunan instrumen soal selidik berdasarkan kajian terdahulu. Beliau turut melaksanakan keseluruhan proses pengumpulan dan analisis data, serta menulis kesemua bahagian artikel, daripada pengenalan, sorotan literatur,

metodologi, dapatan dan perbincangan, hingga kesimpulan. Selain itu, beliau juga menyelaraskan penyusunan akhir artikel untuk penerbitan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dalam penghasilan artikel penyelidikan, tiada potensi konflik berkaitan penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Ismail, & Khairuddin Mohamad. (2017). *Kesusasteraan Melayu*. Sasbadi Sdn Bhd.
- Bacalah dalam bahasamu. (2001). Kementerian Pendidikan Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Ghazali Darusalam (1996). *Dinamika ilmu dakwah Islamiah*. Utusan Publications & Sdn. Bhd.
- Ghozali, M & Kamri, N. A. (2015). Keperibadian Islam dan profesionalisme dalam pekerjaan: Satu analisis teoritis. *Jurnal Syariah*, 23(2), 255-286.
- Hamka. (2017). *Lembaga hidup*. PTS.
- Harjoni Desky, & Syamsul Rijal. (2021). Pengembangan kerukunan masyarakat multikultural melalui pendekatan agama. *International Journal of Islamic Thought*, 20, 45-52. <https://doi.org/10.24035/ijit.20.2021.209>
- Hashim Awang. (1989). *Teori pengkaedahan Melayu*. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu ke-9. Anjuran Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Awang. (1989). Kajian sastera: Suatu pendekatan Melayu. *Dewan Sastera*, Disember, 60-63.
- Hashim Awang. (1993). Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan kritikan kesusasteraan tanah air. *Dewan Sastera*, (Februari), 52-57.

- Hashim Awang. (2002). Teori pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya. Kertas kerja bengkel kajian teori Sastra Melayu. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastra, Jabatan Sastra Dewan Bahasa dan Pustaka pada 28–29 Jun di Riviera Bay Resort, Melaka.
- Jumali Selamat. (2009). Aplikasi teori pengkaedahan Melayu dalam *Menjaras Ribut* menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12, 19-37.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2019). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mawar Safei. (2016). The search between ambiguity and anti-story in Zaen Kasturi's Taman Uzlah. *Pertanika Journal of Sosial Science & Humanities*, 24, 65-76.
- Mohd. Haniff Mohammad Yusoff. (2023). Manikam kalbu: Adat dan adab Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 55–73. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.3>
- Muhammad Salleh. (1988). *Kalau, atau dan maka*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Jusoh. (2001). “Khutbah II”. Dlm. *Bacalah dalam Bahasamu*, (hal.140). Kementerian Pendidikan Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Almahera Abu Hassan & Syahidatul Munirah Badrul Munir (2022). Puisi sebagai alat revolusioner: Analisis tekstual puisi-puisi perjuangan patani dalam internet. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 85–115. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.3>
- Naapie Mat. (2001). “Iktikaf 2”. Dlm. *Bacalah dalam Bahasamu*, (hal. 148). Kementerian Pendidikan Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Junoh, Zanirah Mustafa@Busu dan Abdul Manam Mohamad. (2023). Kaedah pemikiran kritis al-Dihlawi terhadap perbahasan al-Sa’adah (Kebahagiaan) dalam Karya Hujjah Allah al-Balighah. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 30(2), 207–237. <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.2.10>.
- Noor Hazwany Haji Arifin. (2014). Pemikiran Marzuki Ali dalam khazanah segala rimbun dari aspek teori Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 25, 130-152.
- Nur Hanis Athirah Rosazlan. (2023). Sajak sebagai medium mendidik masyarakat: Satu penelitian terhadap puisi terpilih Zurinah Hassan berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu. Latihan Ilmiah. Universiti Malaysia Kelantan.

- Nurwahidah Alimuiddin. (2007). Konsep dakwah dalam Islam. *Jurnal Hunafa*, 4(1), 73-78.
- Pg. Haji Yakub & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2018). Sajak-sajak Baharudin H.O bertemakan ketuhanan: Analisis pendekatan dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 29 (1), 156-180.
- Rozita Che Rodi. (2022). Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “Ilmu” berdasarkan teori medan makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 157–180. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.6>.
- Samsina Abd. Rahman. (2013). Kembali ke fitrah dalam puisi-puisi Suhaيمي Haji Muhammad. *Jurnal Melayu*, 11, 79-98.
- Sahlan Mohd Saman. (1999). *Tokoh dan kecenderungan kritikan sastra mutakhir*. Persatuan Penulis Selangor.
- Sara Beden & Siti Azura Juih. (2020). *Drama “1400” Noordin Hassan: Analisis Pendekatan Kritik Islam*. (e-Prosiding International Conference on Islamic Education 2020,) Anjuran Persatuan Intelektual Muslim Malaysia & Jabatan Pengajian Melayu Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Sara Beden & Nur Aisyah Shahira Naimon. (2021). Gapura iman: Citra keagamaan pengkaedahan Melayu. *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu 2021*. Anjuran Jabatan Pengajian Melayu bertempat di IPGKTAR pada 8-9 Mac, 50-62.
- Sara Beden. (2021). Pengkaedahan Melayu: Manifestasinya dalam kumpulan cerpen perempuan kerudung hitam. *Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastra Asia Tenggara (PANGSURA)* 46(24), 43-63.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai’e Sujud. (2017). Jati diri Melayu dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman: Analisis teori pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic (IJLEAL)*, 7, 47-63.
- Strauss, A., & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory (2nd ed.)*. Sage Publications, Inc.
- Tarigan. (1994). *Membaca ekspresif*. Angkasa.
- T.S. Eliot. (1988). *The letters of T. S. Eliot*. University Press.
- Za’ba. (1962). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.